



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN

GERAN COVID-19 FAKULTI PERUBATAN UKM
(GCOVID-19)

1.1. PENGENALAN

Geran COVID-19 FAKULTI PERUBATAN UKM (GCOVID-19) diperkenalkan buat pertama kali pada tahun 2020 oleh Fakulti Perubatan UKM.

1.2. DOMAIN PENYELIDIKAN

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan salah satu domain penyelidikan seperti berikut:

- a) Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences).
- b) Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering).
- c) Sains Kesihatan dan Klinikal (Clinical Health and Sciences).
- d) Sains Sosial (Social Sciences).
- e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts).
- f) Warisan Alam dan Budaya (Natural and Cultural Heritage).
- g) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology).

1.3. KLUSTER PENYELIDIKAN

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan salah satu domain penyelidikan seperti berikut:

- a) Transformasi Sosial dan Ekonomi.
- b) Teknologi Terhadapan dan Digital.
- c) Kesihatan dan Perubatan Termaju.
- d) Sumber Lestari Alam Sekitar dan Kehidupan Pintar.
- e) Warisan dan Masyarakat Madani.

1.4. OBJEKTIF

Tujuan geran ini adalah untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan berkaitan COVID-19 mengikut keperluan domain penyelidikan atau kluster penyelidikan.

1.5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1) Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik aktif UKM.
- 2) Cadangan penyelidikan perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang penyelidik dari Fakulti Perubatan UKM.
- 3) Menepati siling peruntukan iaitu RM50,000.00.

1.6. TEMPOH PENYELIDIKAN

Jangkamasa projek adalah sehingga maksima dua (2) tahun.

1.7. TATACARA PERMOHONAN

- i. Pemohon perlu mengisi borang permohonan geran yang boleh didapati di laman web Sekretariat Penyelidikan & Inovasi (SPI) <http://www.ukm.my/spifper>.
- ii. Permohonan perlu dikemukakan kepada SPI Fakulti Perubatan di alamat emel: spipi@ppukm.ukm.edu.my sebelum atau pada tarikh tamat permohonan sebagaimana yang ditetapkan. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

1.8. PERATURAN PERBELANJAAN

Penggunaan peruntukan adalah dibenarkan untuk item yang diluluskan di bawah kod perbelanjaan berikut:

a) **Vot 11000 (Upah dan Elaun)**

- i. Melantik Penyelidik Pasca Doktor, Pembantu Penyelidik (RA) dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh UKM. Pelantikan ini diuruskan oleh CRIM.
- ii. Potongan KWSP caruman majikan dan potongan PERKESO bagi lantikan Penyelidik Pasca Doktor dan Pembantu Penyelidik (RA) adalah menggunakan peruntukan projek penyelidikan.

b) **Vot 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)**

- i. Perjalanan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan dalam negara yang berkaitan dengan projek.
- ii. Perjalanan ke luar negara hanya dibenarkan kepada ketua projek dan ahli sahaja. Tertakluk kepada Garis Panduan Menghadiri Persidangan dan kecukupan peruntukan yang telah diluluskan.

- iii. RA atau GRA hanya dibenarkan menghadiri persidangan, kerja lapangan, kursus dan bengkel perjalanan dalam negara sahaja.
- iv. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.

c) Vot 24000 (Sewaan)

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

d) Vot 27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)

- i. Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja yang dibenarkan.
- ii. Peralatan yang dibeli menggunakan vot ini (berharga <RM3,000.00) perlu dinyatakan dengan jelas di dalam perancangan kewangan dan pembelian perlu mengikut tatacara pengurusan aset.

e) Vot 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai)

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

f) Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospítaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data, yuran persidangan, yuran penerbitan, saguhati dan lain- lain perkhidmatan ikhtisas yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

g) Vot 35000 (Aksesori dan Peralatan)

- i. Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja. Senaraikan jenis peralatan dan justifikasi permohonan. Jumlah yang dipohon tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.
- ii. Pembelian aset/inventori perlu mengikut prosedur universiti dan dilaksanakan dengan teratur. Setiap aset/inventori perlu dikawal dengan baik dari segi rekod dan dilabel Hak Kerajaan Malaysia dan No. Siri Pendaftaran.

- iii. Definisi aset:
 - Alat atau aksesori berharga RM3,000.00 dan ke atas;
 - Perisian komputer bernilai RM50,000.00 dan ke atas.
- iv. Setiap aset perlu dikembalikan kepada pihak CRIM setelah selesai projek penyelidikan tersebut atau penyelidik cuti belajar. Ini termasuklah komputer riba, kamera, ipad, telefon pintar, pencetak, projector serta lain- lain peralatan penyelidikan.
- v. Pembelian atau perolehan aset, bekalan dan perkhidmatan hanya dibenarkan sekiranya telah diluluskan. Walau bagaimanapun, pembelian aset tidak dibenarkan dalam tempoh enam bulan sebelum projek tamat (tarikh asal projek).

1.9 HASIL PENYELIDIKAN

a) Penerbitan

- i. Penyelidik perlu menghasilkan penerbitan mengikut jumlah peruntukan yang telah diluluskan seperti berikut:

PERUNTUKAN (RM)	KPI PENERBITAN
RM0-RM999.99	1 Lain-lain Penerbitan*
RM1,000.00 - RM9,999.99	1 Artikel dalam Jurnal Tidak Terindeks ATAU 2 Lain-lain-lain Penerbitan*
RM10,000.00 - RM29,999.99	1 Artikel dalam Prosiding Terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) ATAU 1 Artikel dalam Jurnal Tidak Terindeks
RM30,000.00 - RM 49,999.99	1 Artikel dalam Jurnal Terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) ATAU 1 Artikel dalam Prosiding Terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) ATAU 1 Bab dalam Buku Penyelidikan
RM50,000.00	1 Artikel dalam Jurnal WoS (Q1/Q2) ATAU 1 Kertas Polisi/Dasar” ATAU 4 Artikel dalam Jurnal Terindeks (WoS/SCOPUS/ERA) ATAU 1 Buku Penyelidikan ATAU

	4 Bab dalam Buku Penyelidikan
<p>*Lain-lain penerbitan ialah seperti kajian kes, laporan teknikal, laporan komprehensif, artikel majalah, surat khabar, karya asli, penerbitan dari persidangan, digital atau media cetak.</p> <p>**Kertas polisi yang menyumbang kepada pembentukan/penambahbaikan/ pemansuhan dasar/fatwa/akta dan seumpamanya yang telah diterima pakai oleh pemegang taruh (stakeholder) sama ada agensi kerajaan, swasta atau antarabangsa.</p>	

b) Harta intelek dan hasil pengkomersialan

Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran harta intelek dan pengkomersialan melalui Pusat Inovasi & Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKM)

c) Modal insan

Melatih sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana/PhD

2.1 PENILAIAN

- Permohonan GCOVID-19 akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik oleh Fakulti Perubatan
- Keputusan panel penilai adalah muktamad

3.1 PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

- Bagi projek yang diluluskan, surat kelulusan akan dikeluarkan kepada ketua projek dan projek akan didaftarkan ke dalam SMPU

4.1. LAPORAN KEMAJUAN

- Penghantaran laporan kemajuan adalah melalui SMPU. Setiap ketua projek bertanggungjawab memastikan laporan kemajuan dihantar mengikut jadual yang ditetapkan.
- Laporan kemajuan perlu dihantar pada bulan Januari dan Julai pada setiap tahun.

Bulan	Tempoh penghantaran
Januari	1-31 Januari
Julai	1-31 Julai

Nota:

Laporan kemajuan setiap projek diuruskan melalui proses yang telah ditetapkan dalam SMPU. Kegagalan mematuhi tempoh penghantaran yang ditetapkan ini akan menyebabkan sekatan sistem terhadap peruntukan projek sehingga laporan kemajuan ini dikemukakan dan diperakukan oleh F/I/P

4.2. LAPORAN AKHIR

Laporan akhir perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek. Penghantaran laporan akhir adalah melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU).